

"Jangan hasut Pelajar2," kata Dr. M

"PENSYARAH2 yang tidak bertanggungjawab hasut pelajar2 menolak UMNO — Mahathir". Begitulah bunyi sebuah kepala bersaiz besar di Utusan Melayu, Julai 25, 1978.

Berita selanjutnya melaporkan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad membidas pegawai-pegawai kerajaan yang tidak bersyukur dengan apa yang telah diberi kepada mereka sehingga sanggup membuat perkara-perkara yang bertentangan.

Katanya, kerajaan memberi berbagai kemudahan kepada pegawai-pegawainya termasuk menaikkan gaji mereka sehingga ke peringkat yang begitu tinggi mengikut kehendak mereka sendiri tetapi akhirnya sekarang mereka tentang kerajaan pula.

Dr. Mahathir juga membidas pensyarah-pensyarah universiti

yang bergiat mengadakan fahaman yang bertentangan dengan kerajaan kepada penuntut-penuntut universiti.

Katanya, pensyarah-pensyarah yang tidak bertanggungjawab telah melihat dan memberi fahaman kepada penuntut-penuntut universiti supaya menolak UMNO.

Mereka juga melatih penuntut-penuntut tersebut supaya menghasut ibu bapa masing-masing di kampung-kampung menolak UMNO yang mana ini berarti mereka juga menolak kerajaan.

Komen Penulis

Seseorang pensyarah, samada bertaraf professor, samada yang memegang Ijazah M.A. ataupun Ph.D., adalah seperti rakyat biasa, tidak dilarang dari mempunyai pandangan dan pendirian sendiri terhadap satu-satu parti dan jua mengundi mengikut kehendak hati. Tetapi ini tidaklah pula bermakna bahawa mereka sepatutnya mengguna kedudukan istimewa mereka selaku pendidik kelas I untuk memesongkan fahaman pelajar-pelajar mereka su-

nya mempunyai idea atau fahaman politik seperti mereka jua.

Maka dengan itu, penulis saku menurukan di sini satu cerita lama yang ada kaitan dengan perkara yang sama, dengan harapan agar mesej yang terkandung di dalam cerita berkenaan akan dijadikan bahan renungan oleh para pensyarah dari golongan yang dimaksudkan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir tadi.

Di awal tahun 50an dahulu, di ketika penulis berada di bilik kuliah, seorang pensyarah kanan kami telah memberi syarahan berkaitan dengan pertumbuhan undang-undang mengikut perkembangan sosial. Dengan itu beliau terpaksa menceritakan sedikit-sebanyak dari hal undang-undang berkaitan dengan "nationalisation (pemilikan-negeraan) mengikut fahaman sosialis.

Seorang pelajar Welsh yang terdiri dari penyokong Parti Kebangsaan Welsh telah menyampuk dengan meminta pensyarah berkenaan memberi pendapat peribadinya samada langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan Sosialis British (yang

memerintah di masa itu) akan menguntungkan atau merugikan rakyat.

Sambil senyum pensyarah kanan menjawab, "A adalah bertentangan dengan 'conscience' (bisikan hati kecil) saya, selaku seorang penyokong kuat Parti Konservatif merangkap peminat Winston Churchill untuk memberi pandangan seperti itu, lebih-lebih lagi saya tidak suka mengguna jawatan saya sebagai seorang pensyarah kanan untuk mengembangkan fahaman pro-Konservatif dan manabur dakwah anti-Sosialis di bilik ini. Jika masa yang sesuai tiba nanti, saya akan berbuat demikian, bukan di bilik ini tetapi di arina yang lain....Dengan itu, secara mengguna sebagai formula teori-teori dan hujah-hujah yang saya telah kisahkan tadi, perahlah otak anda sendiri untuk mendapatkan jawapan yang sewajar kepada soalan yang anda kemukakan kepada saya itu."

"Hero" TV penulis pula, yakni, Mr. Hup Seng. (tanpa Ph.D. dan tanpa gelaran professor) yang berkhidmat sebagai tukang masak keluarga

Carlwright dalam siri "Bonanza", mungkin akan membuat komen seperti ini:—

"If these people think they are vely clever and they want to rule the county, why become lecturer? Much better for them to leave university permanently and join party they like best. And if they became Minister they can lecture to university students from time to time when they open this celemony and that celemony. Other than that, they can also go to villages to lecture to students' parents to join their party....I only ordinaly cook, no High School certificate, but I know it is vely vely wrong for teachers to teach students which party to like, which party to no like... which party to vote, which party to no vote... According to my good Boss Mr. Cartlight, in a flee and democatic county such thing is left to each and each people to decide for themselves...."

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia